



TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI

BAB 1

PUNCA KUASA, PRINSIP
DAN DASAR PEROLEHAN
UNIVERSITI

1.0 PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN BAGI PEROLEHAN UNTUK SEMUA KUMPULAN WANG

Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik. PTJ perlu merancang perolehan tahunan (*annual procurement plan*) bagi perolehan yang akan dilaksanakan. Perancangan Perolehan ini dikemukakan kepada Pejabat Bendahari dan dibentang kepada pengurusan Universiti dan pihak Kementerian bagi membantu Universiti melaksanakan perolehan dengan terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun atau di saat- saat akhir.

1.1 Objektif Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan

- 1.1.1 Meningkatkan ketelusan dalam perolehan Universiti;
- 1.1.2 Memastikan perolehan Universiti dirancang dengan teliti dan sistematik;
- 1.1.3 Sebagai mekanisme untuk memantau perolehan yang dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya sebarang kelewatan, penyelewengan salah guna kuasa dan perolehan di luar aturan;
- 1.1.4 Memastikan perolehan yang dibuat adalah mengikut perancangan dan teratur selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Universiti serta peraturan perolehan semasa;
- 1.1.5 Memastikan perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan berbelanja pada saat-saat akhir;
- 1.1.6 Mengoptimumkan prestasi perbelanjaan tahunan Universiti dan mengelakkan *shortfall* terhadap peruntukan yang diluluskan; dan
- 1.1.7 Makluman awal mengenai tender-tender yang akan dipelawa supaya pembekal dan kontraktor bersedia untuk menyertainya.

1.2 Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan

- 1.2.1 Maklumat perancangan yang perlu disediakan oleh PTJ bagi semua kumpulan wang.
- 1.2.2 Maklumat perancangan ini perlu dikemukakan oleh Pusat Tanggungjawab kepada Pejabat Bendahari setiap tahun.
- 1.2.3 PTJ boleh membuat pindaan ke atas perancangan perolehan tahunan dan sebarang pindaan perlu dikemukakan kepada Pejabat Bendahari.
- 1.2.4 Ketua PTJ perlu memastikan perancangan perolehan tahunan masing-masing yang dirancang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

2.0 INTEGRITY PACT

- 2.1 Bagi meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Universiti, semua pihak yang terlibat dalam perolehan Universiti adalah dikehendaki menandatangani *Integrity Pact*. Pihak yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:
- 2.1.1 Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Universiti;
 - 2.1.2 Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan;
 - 2.1.3 Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan;
 - 2.1.4 Pembida; dan
 - 2.1.5 Perunding.
- 2.2 Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah seperti di **Lampiran 1**.

3.0 DASAR-DASAR PEROLEHAN

PTJ hendaklah mematuhi dasar-dasar perolehan yang berkuatkuasa dalam membuat perancangan dan pelaksanaan perolehan di Universiti seperti berikut:

3.1 Dasar Penggunaan Bahan / Barangan Dan Perkhidmatan Tempatan

- 3.1.1 Bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya oleh Universiti dalam perolehan dan bertanggungjawab sepenuhnya memantau dan memastikan penggunaan bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan dalam perolehan seperti peraturan yang ditetapkan.
- 3.1.2 Bahan/barangan tempatan adalah bahan/barangan yang dibuat dan/atau yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan melalui aktiviti pengilang. Definisi pengilang dan aktiviti pengilangan adalah seperti berikut:

“Pengilang” adalah bermaksud sesuatu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang mengambil bahagian dan/atau menjalankan aktiviti pengilangannya di dalam Malaysia dan bertanggungjawab ke atas kualiti bahan/barangan yang berkenaan; dan “Aktiviti Pengilang” adalah bermaksud membuat dan/atau mengeluarkan apa-apa bahan/barangan berdasarkan kepada penggunaan dan termasuklah memasang bahagian-bahagian melalui proses pengilangan.

- 3.1.3 Universiti hendaklah memastikan spesifikasi yang disediakan bagi semua perolehan adalah bersesuaian dan berlandaskan bahan/barangan tempatan yang berasaskan Standard Malaysia (MS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM). Jika tidak ada MS bagi bahan/barangan yang berkenaan, standard antarabangsa lain yang sesuai hendaklah digunakan.

- 3.1.4 Semua barangan/bahan binaan termasuk alat mekanikal/elektrikal hendaklah menggunakan bahan/ barangan buatan tempatan seperti mana yang ditetapkan dalam Senarai Bahan-bahan Binaan Tempatan yang dikeluarkan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau Senarai Bahan/Barangan Tempatan yang dikeluarkan oleh SIRIM QA Services Sdn Bhd atau mana-mana Universiti/badan yang telah diakrediasikan oleh Jabatan Standard Malaysia untuk menjalankan pengiktirafan dan persijilan di mana berkenaan. Sekiranya sesuatu barangan tidak terdapat dalam senarai tersebut, Universiti hendaklah merujuk dan mendapat pengesahan dan kelulusan Naib Canselor sekiranya barangan tersebut perlu diimport.
- 3.1.5 Pengimportan untuk kategori bahan/barangan yang sama dengan bahan/barangan tempatan hanya boleh dipertimbangkan jika:
- i. tidak terdapat gred/kelas tertentu buatan tempatan; atau
 - ii. bahan/barangan tersebut tidak boleh diganti dengan bahan/barangan tempatan yang lain; atau
 - iii. berlaku kekurangan bekalan pada peringkat Nasional.
- 3.1.6 Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya, PTJ hendaklah memasukkan syarat ke dalam dokumen tender/ sebut harga dan kontrak seperti berikut:

"Kontraktor adalah diwajibkan untuk menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan-bahan Binaan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd dan/atau Senarai Bahan/Barangan Tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Services Sdn Bhd mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor. Bahan/barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau SIRIM QA Services Sdn Bhd mengikut mana yang berkenaan. Jika pengujian tidak dapat dijalankan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau SIRIM QA Services Sdn Bhd kontraktor boleh memohon untuk menjalankan ujian dengan agensi lain tertakluk kepada kelulusan Pegawai Penguasa".

- 3.1.7 PTJ dikehendaki membuat pemantauan ke atas mana-mana projek sekiranya disyaki kontraktor tidak mematuhi syarat penggunaan bahan/barangan buatan tempatan.
- 3.1.8 Tindakan sewajarnya hendaklah diambil ke atas pegawai,

kontraktor atau perunding yang gagal mematuhi peraturan-peraturan penggunaan bahan/barangan/perkhidmatan tempatan.

3.1.9 Penggunaan Produk/Perkhidmatan Syarikat Tempatan Berstatus Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia Dalam Perolehan Universiti

- a. Bagi menggalakkan pembangunan industri *Information and Communication Technology* (ICT) tempatan, Universiti hendaklah memberi keutamaan kepada penggunaan produk/perkhidmatan ICT yang dihasilkan oleh syarikat tempatan yang berstatus MSC Malaysia di dalam perolehan Universiti.
- b. Definisi syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia adalah seperti berikut:
 - i. Mana-mana syarikat tempatan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dengan pegangan saham syarikat oleh pihak tempatan melebihi 50% dan telah dianugerahkan status MSC Malaysia oleh pihak Kerajaan; dan
 - ii. Syarikat yang mengambil bahagian dan/atau menjalankan aktiviti pembangunan barangan/ perisian/ kandungan/perkhidmatan ICT di dalam Malaysia mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di bawah status MSC Malaysia.
- c. Produk/perkhidmatan MSC Malaysia meliputi barangan/ perisian/kandungan/perkhidmatan ICT yang dihasilkan/ dibekalkan oleh syarikat-syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia.
- d. PTJ hendaklah memastikan produk/perkhidmatan keluaran syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia diberi keutamaan di dalam perolehan ICT masing-masing. Perolehan daripada syarikat selain daripada syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia hanya boleh dipertimbangkan setelah dipastikan produk/perkhidmatan tersebut tidak dapat dibekalkan oleh syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia berdasarkan kualiti dan spesifikasi yang diperlukan oleh Universiti.
- e. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya, PTJ hendaklah memasukkan syarat di dalam dokumen sebut harga/tender dan dokumen kontrak seperti berikut:

“Syarikat/pembekal hendaklah mengenal pasti, mengutamakan dan menggunakan produk/perisian/ kandungan/perkhidmatan ICT buatan syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia yang disenaraikan di dalam senarai produk MSC Malaysia oleh Malaysia

Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn Bhd. Sekiranya syarikat/ pembekal tidak mematuhi peraturan menggunakan produk buatan MSC Malaysia setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan produk/ perkhidmatan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas syarikat/pembekal.”

- f. Bagi perolehan yang dilaksanakan secara sebut harga/tender yang turut disertai oleh syarikat ICT bertaraf Bumiputera dan menawarkan produk selain produk MSC Malaysia, Universiti hendaklah memastikan produk/perkhidmatan MSC Malaysia yang memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan oleh Universiti diberi keutamaan dalam pemilihan syarikat.

3.2 Dasar Perolehan Barangan Import

- 3.2.1 Matlamat dasar perolehan barangan import adalah untuk mengurangkan pembayaran tak ketara dan aliran wang keluar serta meningkatkan penglibatan industri pengangkutan, insurans dan penggunaan pelabuhan tempatan.
- 3.2.2 Barangan import adalah peralatan, barangan siap atau komponen yang mempunyai ciri-ciri berikut:
 - a. Nilai perolehan melebihi RM50,000.00 bagi setiap item;
 - b. Bahan-bahan binaan;
 - c. Peralatan bagi kegunaan industri pembinaan dan jentera/mesin; atau
 - d. Perkakasan ICT
- 3.2.3 Bagi perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000.00, PTJ perlu mendapatkan kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000.00 dilaksanakan. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk membuat semakan status barangan tempatan/import sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000.00 dilaksanakan. Garis panduan bagi kelulusan barang import adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 3.2.4 Semua perolehan barangan import hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Kaedah perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000.00 bagi setiap item setahun atau RM200,000.00 bagi satu kontrak hendaklah dilaksanakan secara *Free On Board* (FOB) atau kaedah-kaedah lain seperti yang dinyatakan di dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana Universiti bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara berkaitan pengangkutan dan

insurans;

- b. Urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh 'Multimodal Transport Operators' (MTO) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dari tempat barangan dibeli/dibuat hingga ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh Universiti;
- c. Perlindungan insurans barangan import hendaklah ditanggung di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Universiti (Akaun Amanah KWIBK); dan
- d. Semua barangan hendaklah dihantar terus dari pangkalan memuat (*port of loading*) atau tempat-tempat yang dinamakan di negara asal barangan dibeli (*country of origin*) atau negara pembuat ke pangkalan punggah (*port of discharge*) yang dinamakan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi terakhir. Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

3.2.5 Tatacara Pengurusan Barangan Import adalah seperti di **Lampiran 3**.

3.2.6 **Free On Board (FOB)**

- a. Universiti hendaklah mensyaratkan di dalam dokumen sebut harga/tender bahawa tawaran harga hendaklah berdasarkan harga FOB atau kaedah-kaedah lain yang seumpama seperti *Ex Works* (EXW) dan *Free Carrier* (FCA) di mana perkara-perkara berkaitan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh Universiti bermula dari tempat barangan diterima. Kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan tawaran penyebut harga/petender tidak akan dipertimbangkan.
- b. Penyebut harga/petender hendaklah disyaratkan mengemukakan maklumat terperinci atau deskripsi barangan yang ditawarkan bagi tujuan pelawaan sebut harga MTO. Kegagalan mengemukakan maklumat yang tepat dan lengkap boleh menyebabkan penyebut harga/petender bertanggungjawab ke atas tambang (*freight*) bagi pengangkutan barangan di bawah kontrak berkenaan.
- c. *Transshipment* tidak dibenarkan kecuali tidak terdapat perkhidmatan penghantaran terus melalui kapal/pesawat atau barangan mesti sampai pada tarikh yang ditetapkan. Jika ini berlaku, keutamaan hendaklah diberi kepada kapal/pesawat Malaysia bagi pengangkutan barangan seterusnya.
- d. Bagi dagangan berbahaya iaitu semua item kelas 1 yang dikelaskan di bawah *International Maritime Organisation* (IMO)

seperti bahan letupan, Universiti hendaklah membantu syarikat MTO bagi memastikan penghantaran dagangan berbahaya dari pangkalan punggah hingga ke destinasi terakhir adalah selamat.

3.2.7 Pemilihan MTO Dalam Mengendalikan Barangan Import

- a. Hanya satu MTO perlu dilantik bagi menguruskan penghantaran di bawah satu kontrak induk. Kontrak induk bermaksud sebut harga/tender yang telah disetujuterima atau kontrak bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah diikat antara Universiti dengan pembekal/kontraktor. Walau bagaimanapun, Universiti dibenarkan melantik lebih daripada satu MTO bagi satu kontrak induk sekiranya didapati ianya lebih menjimatkan.
- b. Permulaan operasi oleh syarikat MTO dalam menguruskan penghantaran barangan Universiti adalah tertakluk kepada kaedah perolehan, misalnya bagi FOB ialah sebaik sahaja barangan diletakkan di atas kapal, manakala bagi EXW bermula dari premis yang ditetapkan oleh pembekal di luar negara.
- c. Perolehan bagi perkhidmatan MTO sehingga RM50,000.00 boleh diuruskan secara pembelian terus. Semua perolehan melebihi RM50,000.00 hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga atau *e-bidding*. Sebut harga sehingga RM500,000.00 hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti. Manakala sebut harga melebihi RM500,000.00 hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Universiti.
- d. Bagi perolehan perkhidmatan MTO yang melebihi RM50,000.00 syarikat Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga mengikut dasar keutamaan harga.

3.2.8 Perlindungan Insurans Barangan Import

- a. Akaun Amanah KWIBK bertujuan memberi perlindungan insurans terhadap barangan Universiti yang diimport. Insurans ini juga melindungi perjalanan pergi dan balik apabila barangan tersebut perlu dibaiki/diganti. Perlindungan ini tidak termasuk perjalanan barangan yang dilakukan oleh Universiti di Semenanjung Malaysia dan di antara Sabah dan Sarawak.
- b. Perlindungan yang diberi meliputi perkara-perkara berikut:
 - i. segala risiko (*all risk*) yang lazimnya digunakan oleh syarikat insurans; dan
 - ii. perjalanan barangan daripada kilang atau gudang di seberang laut ke stor Universiti termasuk semua bayaran seperti harga barangan, tambang, pertukaran

pengangkutan ke pelabuhan pengeksport, bayaran untuk dermaga, *'Bill of Lading/Airway Bill'* dan tambang pengangkutan ke destinasi terakhir sama ada darat atau laut sekiranya ia merupakan sebahagian daripada perjalanan dari seberang laut.

- c. Bayaran premium yang dikenakan ialah 0.5% daripada kos barangan atau invois pembekal, tambang dan 10% atau diringkaskan 0.5% [(kos barangan + tambang) + 10% (kos barangan + tambang)]. Bayaran hendaklah dibayar dengan cek berpaling atau melalui EFT atas nama Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dihantar terus ke Perbendaharaan (BPK).
- d. Kegagalan membayar premium insurans akan mengakibatkan Universiti bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan ke atas barangan yang diimport.
- e. Sekiranya pembekal atau pihak-pihak berkaitan memerlukan polisi insurans perdagangan, maka Universiti bolehlah mengeluarkan Perakuan Tanggung Rugi Terhadap Kehilangan.

3.2.9 Perolehan Secara EXW

- a. Perolehan *Ex-Works (EXW)* bermaksud pihak penjual bertanggungjawab menyediakan barangan setakat di gudang/kilang yang dinamakan sahaja. Manakala pihak pembeli bertanggungjawab menyediakan pengangkutan, menanggung segala kos dan risiko dalam urusan pemindahan barangan daripada gudang/kilang penjual ke destinasi terakhir yang telah ditentukan.
- b. Perolehan secara EXW membolehkan pembeli mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas barangan dan memastikan dasar-dasar Universiti dipenuhi seperti penggunaan perkhidmatan MTO, kapal/pesawat, pelabuhan dan insurans tempatan. Di samping itu, perolehan cara ini boleh mengurangkan aliran wang keluar dan memberi peluang kepada MTO beroperasi di pasaran antarabangsa.
- c. Perolehan barangan melalui kaedah EXW hendaklah memenuhi kriteria berikut:
 - i. Bagi perolehan yang dibawa melalui laut yang dimuat secara kontena penuh (*Full Container Load*);
 - ii. Bagi perolehan yang dibawa melalui udara, berat barangan adalah satu (1) tan metrik atau lebih; dan
 - iii. Bagi perolehan yang diimport melalui pengangkutan jalan darat.

3.2.10 Perolehan Barangan *Ex-Stock*

Perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (*ex-stock*) dan bernilai melebihi RM50,000.00 memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum perolehan dilaksanakan. Sebut harga/tender secara harga bersih (*nett delivered price*) boleh dilaksanakan oleh Universiti bagi perolehan barangan import yang sudah berada di dalam negara (*ex-stock*) dengan syarat Universiti berpuas hati barangan ada di dalam pasaran dan menguntungkan Universiti.

3.2.11 Perolehan Barangan Import Yang Bernilai Kurang RM50,000.00

Bagi perolehan barangan import yang bernilai kurang dari RM50,000.00 bagi satu jenis item setahun, Universiti digalakkan mengurus perolehannya secara FOB/EXW tertakluk kepada persetujuan pihak pembekal. Dalam hal ini, Universiti hendaklah memastikan harga yang ditawarkan tidak termasuk tambang pengangkutan dan insurans. Universiti dibolehkan melantik mana-mana MTO yang mengenakan harga yang berpatutan bagi mengurus pengangkutan dan perlindungan insurans dibuat di bawah Akaun Amanah KWIBK.

3.2.12 Pembayaran Kepada Pihak Pembekal

Universiti hendaklah membuat pembayaran kepada pihak pembekal tertakluk kepada perjanjian kontrak yang dimeterai.

3.2.13 Bagi perolehan peralatan Latihan, Penyelidikan dan Perubatan yang diimport ianya boleh dibuat secara CIF tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a. Nilai perolehan Latihan, Penyelidikan dan Perubatan tidak melebihi RM 5 juta bagi satu kontrak ;
- b. Pembekal hendaklah dikenakan syarat wajib menggunakan perkhidmatan Multimodal Transport Operator (MTO) yang berkebolehan. Perlantikan MTO hendaklah berdasarkan pekeliling dan peraturan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Perkhidmatan MTO dan insurans hendaklah bermula daripada "port of loading" ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh Universiti; dan
- c. Syarat di atas hendaklah dinyatakan dengan jelas kepada pembekal dalam syarat-syarat perolehan dan dijadikan sebagai klausa dalam perjanjian kontrak.

3.3 Dasar Penggunaan Mata Wang Penggunaan Mata Wang Bagi Tender Tempatan

3.3.1 Tawaran harga dan bayaran bagi perolehan yang dibuat secara

tempatan hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia sahaja.

3.3.2 Tawaran harga bagi perolehan alat ganti yang dibuat daripada *Original Equipment Manufacturer* (OEM) melalui kontraktor/pembekal tempatan boleh dibuat sama ada dalam Ringgit Malaysia ataupun mata wang asing dan bayarannya hendaklah dibuat dalam matawang yang sama seperti dalam tawaran yang dikemukakan.

3.3.3 **Penggunaan Mata Wang Bagi Tender Antarabangsa**

- a. Tawaran harga daripada kontraktor/pembekal luar dan bayaran oleh Universiti hendaklah dibuat dalam matawang asing.
- b. Tawaran harga daripada kontraktor/pembekal tempatan bagi tender antarabangsa boleh dibuat sama ada dalam Ringgit Malaysia ataupun mata wang asing dan bayarannya hendaklah dibuat dalam mata wang yang sama seperti dalam tawaran yang dikemukakan.
- c. Bagi tujuan penilaian harga, kadar pertukaran mata wang yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tarikh tutup tender hendaklah diguna pakai.

3.4 **Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera**

3.4.1 **Definisi Syarikat Bumiputera**

- a. Syarikat Bumiputera hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
 - i. sekurang-kurangnya 51% pemilikan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera dan pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera;
 - ii. sekurang-kurangnya 51% daripada Lembaga Pengarah syarikat dipegang oleh Bumiputera;
 - iii. jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan-jawatan penting lain (*keyposts*) hendaklah dipegang oleh Bumiputera;
 - iv. sekurang-kurangnya 51 % daripada pekerja hendaklah terdiri dari Bumiputera;
 - v. pengurusan kewangan hendaklah dikuasai oleh Bumiputera; dan
 - vi. carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sepenuhnya oleh

Bumiputera.

- b. Syarikat yang diiktiraf sebagai sebuah syarikat usaha sama di antara tempatan dan asing hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
 - i. Syarikat tersebut hendaklah ditubuhkan di Malaysia. Pemilikan ekuiti asing tidak melebihi 30% manakala warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang 30%; dan
 - ii. Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja hendaklah mengikut peratusan di dalam pemilikan ekuiti.
- c. Syarikat yang diiktiraf sebagai usaha sama di antara Bumiputera dan Asing hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
 - i. Syarikat tersebut hendaklah ditubuhkan di Malaysia. Pemilikan ekuiti warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang 51% dan asing tidak melebihi 49%; dan
 - ii. Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja hendaklah mengikut peratusan di dalam pemilikan ekuiti.
- d. Pemberian taraf Bumiputera oleh pihak berkuasa seperti berikut:
 - i. Bidang bekalan dan perkhidmatan - Kementerian Kewangan; dan
 - ii. Bidang kerja - Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya).

3.4.2 Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

- a. Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 hendaklah dipelawa di kalangan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- b. Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM100,000, syarikat Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga mengikut peratusan berikut:

| <u>Nilai Tender Keutamaan</u> | <u>Peratusan</u> |
|---|-------------------------|
| Melebihi RM100,000.00 hingga RM500,000.00 | 10% |
| Melebihi RM500,000.00 hingga RM1.5 juta | 7% |
| Melebihi RM1.5 juta hingga RM5 juta | 5% |
| Melebihi RM5 juta hingga RM10 juta | 3% |
| Melebihi RM10 juta hingga RM15 juta | 2.5% |
| Melebihi RM15 juta | |

Tiada keutamaan

- c. Keutamaan harga ini adalah berdasarkan kepada nilai tawaran terendah dan boleh diterima dari syarikat Bukan Bumiputera dibandingkan dengan harga terendah syarikat Bumiputera. Pengiraan keutamaan harga ini hendaklah dibuat di peringkat keputusan Sebut Harga atau Tender.

3.4.3 Keutamaan untuk Pembuat/Pengilang Bumiputera

- a. Universiti hendaklah memberi keutamaan kepada syarikat yang bertaraf pembuat/pengilang Bumiputera dalam perolehan mereka. Taraf pembuat/pengilang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan kepada syarikat yang layak.
- b. Bagi perolehan bekalan di kalangan pembuat, pembuat Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga mengikut peratusan seperti berikut:

| <u>Nilai tender</u> | <u>Peratusan Keutamaan</u> |
|--------------------------------------|----------------------------|
| Sehingga RM10 juta | 10% |
| Melebihi RM10 juta hingga RM100 juta | 5% |
| Melebihi RM100 juta | 3% |

- c. Jika terdapat lebih dari satu (1) pengilang/pembuat Bumiputera dalam bekalan yang berkenaan, ianya hendaklah dilaksanakan secara tender terhad di kalangan Bumiputera. Jika terdapat hanya satu (1) pembuat/ pengilang Bumiputera, perolehan secara rundingan terus bolehlah diperakukan. Universiti diingatkan supaya mendapatkan terlebih dahulu kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk kedua-dua maksud di atas.

3.4.4 Keutamaan Kepada Pengimport Bumiputera

Universiti juga diingatkan supaya memberi keutamaan kepada pengimport tunggal Bumiputera atau mana-mana syarikat Bumiputera yang menjadi pemegang francais untuk bekalan.

3.4.5 Kontrak Pusat

Perolehan di bawah Kontrak Pusat, Konsep Payung dan Skim Anak Angkat adalah dikhaskan kepada syarikat Bumiputera. Manakala bagi Kontrak Pusat Sistem Panel, keutamaan akan diberikan kepada syarikat/pembuat Bumiputera.

3.4.6 Dasar Keutamaan Kepada Bumiputera Untuk Kontrak Kerja

- a. Universiti adalah dikehendaki mengenal pasti dan memperuntukkan sekurang-kurangnya sebanyak 30% daripada nilai kerja kecuali kerja kecil/penyenggaraan di bawah RM50,000.00 pada satu-satu tahun dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera untuk ditandingi di kalangan mereka sahaja.
- b. Bagi baki 70% daripada kerja itu, kontraktor Bumiputera boleh mengambil bahagian dalam pelawaan tender dengan tidak diberi apa-apa keutamaan.
- c. Bagi kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM200,000.00 dan juga kerja-kerja yang menggunakan Jadual Kadar hendaklah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera sahaja. Kerja-kerja ini hendaklah tidak termasuk di bawah peruntukan 30% nilai kerja-kerja yang dikhaskan untuk Bumiputera.
- d. Kerja-kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM350,000.00, pengagihan sekurang-kurangnya 50% hendaklah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera, manakala bakinya hendaklah ditandingi oleh kontraktor Bumiputera dan kontraktor Bukan Bumiputera.

3.4.7 Kerja-Kerja Wang Kos Prima (*Prime Cost Sum*)/ Mekanikal/Pakar

Bagi Kerja-kerja Wang Kos Prima (*Prime Cost Sum*)/ Mekanikal/Pakar keutamaan harga hendaklah diberi kepada kontraktor Bumiputera berdasarkan keutamaan harga mengikut peratusan seperti berikut:

| <u>Nilai Perolehan</u> | <u>Peratusan Keutamaan</u> |
|---|----------------------------|
| Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00 | 10% |
| Melebihi RM500,000.00 hingga RM1.5 juta | 7% |
| Melebihi RM1.5 juta hingga RM5 juta | 5% |
| Melebihi RM5 juta hingga RM10 juta | 3% |
| Melebihi RM10 juta hingga RM15 juta | 2.5% |
| Melebihi RM15 juta | Tiada keutamaan |

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN INTEGRITI PACT DALAM PEROLEHAN
UNIVERSITI**

- 1.0 Pelaksanaan Integriti Pact dalam perolehan Universiti merupakan salah satu inisiatif di bawah National Key Result Area – Corruption. Integriti Pact pada asalnya merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh Transparency International bagi membantu Universiti, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Universiti.
- 2.0 Secara ringkasnya Integrity Pact merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan Universiti. Seterusnya, pembida/orang awam dan pegawai Universiti akan menandatangani satu 'pact' atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku perlanggaran 'pact' atau kontrak tersebut.
- 3.0 Pelaksanaan Integriti Pact dalam perolehan Universiti juga selaras dengan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 28 Febuari 2009 yang mengkehendaki semua Agensi Universiti memasukkan Klausu Peringatan Kesalahan Rasuah dalam Surat Setuju Terima dan Dokumen Tender.
- 4.0 Garis Panduan ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimana konsep Integriti Pact ini boleh diperluaskan lagi untuk merangkumi pelbagai peringkat dalam proses perolehan Kerjaan. Kementerian Kewangan juga telah menerapkan elemen Integriti Pact dalam proses pendaftaran syarikat bagi bekalan dan perkhidmatan dengan mewajibkan pengisytiharan oleh syarikat berkaitan kesalahan rasuah. Manakala pelaksanaan Integriti Pact dalam proses-proses perolehan yang lain seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan ini hendaklah dilaksanakan oleh semua PTJ.

**PERINGKAT PELAKSANAAN
INTEGRITI PACT BAGI STAF UTHM* YANG TERLIBAT
DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI**

Peringkat 1

Semasa Melapor Diri Untuk Bertugas

Peringkat 2

Pengisytiharan Setiap Tahun

***Staf UTHM merujuk kepada staf Universiti yang terlibat dalam proses perolehan Universiti di semua PTJ seperti berikut:**

- i. Unit Perolehan, Pejabat Bendahari
- ii. Unit Kontrak, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan
- iii. Unit Kewangan PTJ yang terlibat dalam Perolehan PTJ
- iv. Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Pembelian Terus/Perolehan
- v. Pegawai dan staf yang menandatangani Borang Permohonan Pembelian (RO)
- vi. Mana-mana PTJ, Jabatan dan Unit lain yang terlibat dalam perolehan.

**PROSES KERJA INTEGRITI PACT BAGI STAF UNIVERSITI*
YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI**

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|-----------|---|
| 1 | <p>Setiap staf Universiti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan Universiti hendaklah menandatangani Surat Akuan Oleh Staf Universiti Yang Terlibat Dalam Perolehan Universiti seperti di BORANG BEN/UP/043. Akuan ini hendaklah dibuat apabila pegawai melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Surat akuan tersebut hendaklah disimpan di dalam satu fail khas untuk Integrity Pact di PTJ masing-masing. <i>Borang ini juga perlu dicetak di atas kertas yang berwarna kuning</i></p> <p>Setiap Pengurus Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai dan staf-staf lain menandatangani Surat Akuan Oleh Staf Universiti Yang Terlibat Dalam Perolehan Universiti sebelum memulakan tugas atau terlibat dalam sebarang urusan perolehan.</p> |
| 2 | <p>Setiap Pengurus Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai dan staf-staf lain memperbaharui Akuan mereka setiap tahun.</p> |

*Staf Universiti merujuk kepada staf Universiti yang terlibat dalam proses perolehan Universiti di PTJ seperti berikut:

- i. Unit Perolehan, Pejabat Bendahari
- ii. Unit Kontrak, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan
- iii. Unit Kewangan PTJ yang terlibat dalam Perolehan PTJ
- iv. Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Pembelian Terus/Perolehan
- v. Pegawai dan staf yang menandatangani Borang Permohonan Pembelian (RO)
- vi. Mana-mana PTJ, Jabatan dan Unit lain yang terlibat dalam perolehan.

**SURAT AKUAN OLEH STAF UNIVERSITI YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN
UNIVERSITI**

Saya,.....No. Kad Pengenalan : adalah dengan
sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Universiti kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Pengurus Bahagian sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Nama :.....
No. K/P :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Tarikh :.....

Disaksikan oleh* :.....
No. KP :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Tarikh :.....

*** Disaksikan oleh Pengurus bahagian dan**

*** Borang ini perlu dicetak di atas kertas yang berwarna kuning.**

**PERINGKAT PELAKSANAAN
INTEGRITY PACT BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN
PEROLEHAN***

Peringkat 1

**Semasa pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa
Berkaitan Perolehan**

Peringkat 2

Apabila selesai sesuatu tugas

*Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Teknikal PTJ (Sebelum dan Selepas Dibuka)
- ii. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga/Pembelian Terus
- iii. Jawatankuasa Teknikal Universiti
- iv. Jawatankuasa Penilaian – Teknikal dan/ atau Kewangan(Harga)
- v. Jawatankuasa Rundingan Harga
- vi. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan

PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITI PACT BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN UNIVERSITI*

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|-----------|---|
| 1 | Setiap individu yang dilantik kepada mana-mana Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan seperti di BORANG BEN/UP/044A . Sesalinan Akuan tersebut akan disimpan oleh Urus Setia di dalam fail berkaitan dan perlu dikepilkan bersama surat pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa. <i>Borang ini perlu dicetak di atas kertas yang berwarna biru.</i> |
| 2 | Setiap Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan setelah menamatkan tugas seperti di BORANG BEN/UP/044B Akuan ini hendaklah dikepilkan bersama laporan berkaitan dan difailkan. <i>Borang ini perlu dicetak di atas kertas yang berwarna merah jambu.</i> |

*Jawatankuasa Berkaitan Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Teknikal PTJ (Sebelum dan Selepas Dibuka)
- ii. Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebut Harga/Pembelian Terus
- iii. Jawatankuasa Teknikal Universiti
- iv. Jawatankuasa Penilaian – Teknikal dan/atau Kewangan (Harga)
- v. Jawatankuasa Rundingan Harga
- vi. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan

**SURAT AKUAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN
UNIVERSITI***

Saya,.....No. Kad Pengenalan:.....adalah dengan
sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Pengerusi / Ahli / Setiausaha / Urusetia (...**Nama Jawatankuasa Perolehan..**);
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak sehingga boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa proses perolehan;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Universiti kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Nama :.....
No. KP :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Tarikh :.....

*** Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna BIRU.**

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN
PEROLEHAN***

Saya,.....No. Kad Pengenalan :
dari.....(**Nama PTJ**).....adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai Pengerusi / Ahli / Setiausaha / Urusetia (**Nama Jawatankuasa**) (.. **Bilangan Mesyuarat/Tahun**..) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Nama :.....
No. Kad Pengenalan :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Kementerian/Jabatan :.....
Tarikh :.....

*** Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna MERAH JAMBU.**

**PERINGKAT PELAKSANAAN
INTEGRITI PACT BAGI AHLI LEMBAGA /JAWATANKUASA PEROLEHAN***

Peringkat 1

Semasa Pelantikan Sebagai Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan

Peringkat 2

Setiap kali Mesyuarat Lembaga/Jawatankuasa Perolehan bersidang

*Lembaga/Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- i. Lembaga Perolehan 'A'
- ii. Lembaga Perolehan 'B'
- iii. Jawatankuasa Sebut Harga Universiti "A"
- iv. Jawatankuasa Sebut Harga Universiti "B"
- v. Jawatankuasa Sebut Harga PTJ
- vi. Jawatankuasa Projek Sakit
- vii. Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja/Tuntutan
- viii. Jawatankuasa Penyelarasan Harga
- ix. Lain-lain Lembaga/ jawatankuasa yang seumpamanya

**PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITI PACT BAGI AHLI
LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN***

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|-----------|---|
| 1 | <p>Setiap individu yang dilantik sebagai Ahli/Ahli Ganti Lembaga/Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan seperti di BORANG BEN/UP/045A. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Perolehan dan perlu dikepilkan bersama surat pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa. <i>Borang ini perlu dicetak di atas kertas yang berwarna biru.</i></p> |
| 2 | <p>Setiap Ahli/Ahli Ganti Lembaga/Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan seperti di BORANG BEN/UP/045B pada setiap mesyuarat setelah selesai melaksanakan tugas. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Perolehan. <i>Borang ini perlu dicetak di atas kertas yang berwarna merah jambu.</i></p> |

*Lembaga/Jawatankuasa Perolehan merujuk kepada:

- i. Lembaga Perolehan 'A'
- ii. Lembaga Perolehan 'B'
- iii. Jawatankuasa Sebut Harga Universiti "A"
- iv. Jawatankuasa Sebut Harga Universiti "B"
- v. Jawatankuasa Sebut Harga PTJ
- vi. Jawatankuasa Projek Sakit
- vii. Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja/Tuntutan
- viii. Jawatankuasa Penyelarasan Harga
- ix. Lain-lain lembaga/jawatankuasa yang seumpamanya

SURAT AKUAN AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA PEROLEHAN*

Saya,No. Kad Pengenalan :.....
dari...(Nama PTJ)... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa :

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai Pengerusi / Ahli / Setiausaha / Urusetia (...Nama Lembaga/Jawatankuasa Perolehan.);
- ii. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;
- iii. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
- iv. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- v. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Universiti kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];

Nama :.....
No. Kad Pengenalan :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Kementerian/Jabatan :.....
Tarikh :.....

* Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna BIRU.

**SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI LEMBAGA/JAWATANKUASA
PEROLEHAN***

Saya,.....No. Kad Pengenalan.....
dari....(**Nama PTJ**).. adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa :

- i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai Pengerusi / Ahli / Setiausaha / Urusetia (.. **Nama Lembaga/Jawatankuasa Perolehan..**) (.. **Bilangan Mesyuarat/Tahun..**) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Nama :.....
No. Kad Pengenalan :.....
Tandatangan :.....
Jawatan :.....
Kementerian/Jabatan :.....
Tarikh :.....

*** Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna MERAH JAMBU.**

**PERINGKAT PELAKSANAAN
INTERGRITY PACT BAGI PEMBIDA***
(Untuk Nilai Perolehan Melebihi RM10,000.00 sahaja)

- | | |
|-------------|---|
| Peringkat 1 | Semasa pembelian/pengambilan dokumen Tender/Sebutharga/ Pembelian Terus |
| Peringkat 2 | Semasa penyerahan dokumen Tender/Sebutharga/ Pembelian Terus oleh pembida |
| Peringkat 3 | Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima atau Pesanan tempatan (LO) kepada pembida berjaya |
| Peringkat 4 | Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida berjaya |
| Peringkat 5 | Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan Agensi (Jika Berkaitan) |

*Pembida merujuk kepada :

- i. **Petender**
- ii. **Penyebut Harga**
- iii. **Syarikat/Kontraktor yang berjaya**

**PROSES KERJA PELAKSANAAN INTERGRITY PACT BAGI PEMBIDA
(UNTUK NILAI PEROLEHAN MELEBIHI RM10,000.00 SAHAJA)**

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|-----------|---|
| 1 | <p>Setiap PTJ hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida disertakan bersama dokumen tender/sebutharga/pembelian terus yang diedarkan kepada pembida. Sesalinan Surat Akuan Pembida seperti di BORANG BEN/UP/023A. <i>Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.</i></p> |
| 2 | <p>Apabila menghantar dokumen tender/sebutharga/pembelian terus setiap pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkan bersama dokumen tender/sebutharga.</p> |
| 3 | <p>Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan Tempatan (LO) kepada pembida yang berjaya, semua PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima atau LO. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di BORANG BEN/UP/023B. <i>Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.</i></p> |
| 4 | <p>Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama Surat Setuju Terima atau sesalinan LO dan dikembalikan kepada PTJ.</p> |
| 5 | <p>Setiap PTJ hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di LAMPIRAN A dimasukkan dalam semua dokumen kontrak.</p> |

SURAT AKUAN PEMBIDA

(Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/Sebutharga/Pembelian Terus)

.....

Saya,...(**Nama Wakil Syarikat**)....nombor K.Pyang mewakili....(**Nama Syarikat**).....nombor pendaftaran...(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam....(**Nama PTJ/Universiti**)...atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam....(....(**Nama PTJ/Universiti**)..atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- 2.2 Penamaan kontrak bagi Tender/Sebutharga/Pembelian Terus * di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Universiti yang Berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan :
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

*** Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.**

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

(Tajuk dan Nombor Rujukan Tender/Sebut Harga/Pembelian Terus)

.....

Saya,.....nombor K.P..... yang mewakili**(NamaSyarikat)**..... nombor Pendaftaran..**(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)**... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam**(Nama PTJ/Universiti)**...atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam**(Nama PTJ)**.....atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- 2.2 Penamaan kontrak bagi Tender/Sebutharga/Pembelian Terus * di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Universiti yang Berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan :
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

*** Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.**

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN UNIVERSITI

“Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

(a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].

(b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.

(c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].”

**PERINGKAT PELAKSANAAN
INTERGRITY PACT BAGI PELANTIKAN PERUNDING**

Peringkat 1

Semasa pengeluaran Surat Niat (sekiranya ada)

Peringkat 2

Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima

PROSES KERJA PELAKSANAAN INTEGRITY PACT BAGI PELANTIKAN PERUNDING

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|-----------|---|
| 1 | Setiap PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding disertakan bersama Surat Niat diserahkan kepada Perunding. Surat Akuan Kepentingan Perunding seperti di BORANG BEN/UP/046A . <i>Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.</i> |
| 2 | Setiap PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding ditandatangani dan dikembalikan kepada Agensi berkaitan sebelum apa-apa rundingan dimulakan. |
| 3 | Setiap PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding yang Dilantik disertakan bersama Surat Setuju Terima yang dikeluarkan kepada Perunding. Sesalinan memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik seperti di BORANG BEN/UP/046B . <i>Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.</i> |
| 4 | Setiap PTJ hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah seperti di LAMPIRAN A dimasukkan dalam semua dokumen kontrak perunding. |
| 5 | Setiap perunding yang dilantik hendaklah menandatangani dokumen kontrak perunding yang mengandungi Klausa Pencegahan Rasuah. |

BEN/UP/046A

SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING
(Disertakan Bersama Cadangan Perunding)

Saya,.....(**Nama Pemilik**)..No. Kad Pengenalan/No. Pasport.....selaku pemilik....(**Nama Firma**)....dengan nombor Pendaftaran(**MOF/ROS/ROC/ROB**)....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu dalam(**PTJ/Universiti**)....atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

Yang benar,

.....

Nama :
No. Kad Pengenalan/No. Pasport :
Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan :* Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Niat

Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.

SURAT AKUAN PERUNDING YANG DILANTIK
(Disertakan Bersama Surat Setuju Terima)

Saya,...(Nama Pemilik)....No. Kad Pengenalan/No. Pasport.....selaku pemilik**(NamaFirma)**...nombor pendaftaran...(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)...dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah/sogokan kepada mana-mana individu dalam....**(Nama PTJ / Universiti)**....atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapat tawaran pelantikan perunding. Saya juga tidak akan memberi/menawarkan rasuah sepanjang tempoh dan selepas pelaksanaan untuk apa jua tujuan sekali pun yang berkaitan dengan perolehan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili firma ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam....**(Nama PTJ / Universiti)**.....atau mana-mana individu lain secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam perolehan ini, maka saya sebagai pemilik firma seperti di atas bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- 2.2 Penamaan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Universiti yang Berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :
No. Kad Pengenalan/No. Pasport :
Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan : * Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Setuju Terima

Borang ini perlu dicetak diatas kertas yang berwarna HIJAU.

SENARAI PORTAL UNTUK SEMAKAN PERALATAN YANG DIKILANG/DIPASANG OLEH SYARIKAT TEMPATAN

| BIL | PERALATAN | AGENSI | ALAMAT PORTAL |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 1. | ICT | MSC Malaysia | http://www.mscomalaysia.my/productlisting |
| 2. | Ubat-ubatan | Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia | http://portal.bpfk.gov.my/product_search.cfm |
| | | Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia | http://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/maklumat/semakan-pendaftaran-produk.html |
| 3. | Peranti Perubatan | Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia | http://www.mdb.gov.my/ |
| 4. | Pelbagai Barangan dan Peralatan | SIRIM | http://www.malaysiancertified.com.my/ProductSearch.aspx |
| | | Sistem ePerolehan, Kementerian Kewangan | http://sr.eperolehan.com.my/epnv/agency_index.faces <i>*Sila pastikan pihak Jabatan telah berdaftar untuk mengakses portal ini.</i> |
| | | MATRADE | http://www.matrade.gov.my/en/foreign-buyers/find-malaysian-suppliers-a-service-providers/malaysian-products-directory |
| | | SME Corp | http://www.smecorp.gov.my/vn2/node/335 |
| | | MIDA | http://www.mida.gov.my i. En. N. Sangaran Pengarah Eksekutif, Pembangunan Perkilangan (Sumber) No.Tel: 03-2267 3705 Emel: sangaran@mida.gov.my ii. Dato' Wan Hashim Wan Jusoh Pengarah Eksekutif, Pembangunan Perkilangan (Bukan Sumber) No.Tel: 03-2267 6647 Emel: whashim@mida.gov.my |

TATACARA PENGURUSAN BARANGAN IMPORT UNTUK UNIVERSITI

1. TUJUAN

- 1.1 Tatacara ini bertujuan untuk memberi panduan kepada PTJ yang membeli barangan import secara *Free On Board* (FOB) atau kaedah-kaedah lain yang mempunyai maksud yang serupa dengannya. Kaedah-kaedah lain di sini bermaksud kaedah-kaedah yang diterangkan di dalam Incoterms oleh International Chamber of Commerce di mana pihak pembeli bertanggungjawab menguruskan pengangkutan dan insurans barangan yang dibeli. Tatacara ini juga menerangkan mengenai kaedah pelantikan MTO serta pelaksanaan perlindungan insurans barangan import Kerajaan di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-barang Kerajaan (KWIBK).

2. PEROLEHAN BARANGAN IMPORT

- 2.1 Semua perolehan barangan import hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- 2.1.1 perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 bagi setiap item setahun atau RM200,000 bagi satu kontrak hendaklah diurus secara FOB atau kaedah-kaedah lain yang mempunyai maksud yang serupa dengannya PTJ/Universiti perlu bertanggungjawab menguruskan pengangkutan dan insurans;
 - 2.1.2 urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh *Multimodal Transport Operator* (MTO) yang dilantik oleh Universiti;
 - 2.1.3 perlindungan insurans barangan import hendaklah ditanggung di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-barang Kerajaan (KWIBK); dan
 - 2.1.4 semua barangan hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) atau tempat-tempat yang dinamakan di negara eksport atau *country of origin* ke pangkalan punggah (*port of discharge*) yang dinamakan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi terakhir.

3. INCOTERMS DAN PEMAKAIANNYA

- 3.1 *International Commercial Terms* atau ringkasnya Incoterms ialah panduan atau peraturan perdagangan antarabangsa standard yang menerangkan hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli. Panduan Incoterms yang diterima pakai untuk tatacara ini ialah Incoterms yang dikeluarkan oleh International Chamber of Commerce (ICC).

3.3 Walau apa pun Incoterms yang dinyatakan, adalah menjadi dasar untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan pengangkutan/penghantaran dan insurans. Ini bertujuan untuk mengurangkan pembayaran tak ketara, mengurangkan aliran wang keluar di samping dapat meningkatkan penglibatan industri pengangkutan dan insurans tempatan. Sehubungan itu, kaedah pembelian utama yang wajib digunakan oleh Universiti ialah secara FOB atau kaedah-kaedah pembelian lain yang mempunyai maksud yang serupa di mana Universiti (pembeli) bertanggungjawab menguruskan pengangkutan dan seperti *ExWorks*, FCA dan FAS.

3.4 Free On Board (FOB)

3.4.1 FOB bermaksud penjual selesai melaksanakan tanggungjawab apabila barangan tersebut melepasi *ship's rail* kapal di pelabuhan yang dinamakan. Ini juga bererti tanggungjawab pembeli bermula di mana ia menanggung risiko ke atas barangan itu sehingga sampai ke destinasi terakhir. Walau bagaimanapun pembelian secara FOB ini sesuai jika barangan tersebut diangkut menggunakan kapal laut. Jika barangan import diangkut menggunakan jenis kaedah pengangkutan multimodal, kaedah pembelian secara FCA adalah lebih sesuai.

3.4.2 Jika barangan hendak diambil dari penjual dari kilang atau gudangnya, kaedah yang sesuai ialah secara *Ex-Works* (EXW). Ini bermaksud penjual bertanggungjawab menyiapkan barangan yang hendak dijual setakat di kilang atau di gudang yang dinamakan sahaja. Pembeli bertanggungjawab mengangkut barangan dari kilang atau gudang tersebut hingga ke destinasi terakhir. Untuk memudahkan perbincangan, pembelian secara FOB akan digunakan dalam tatacara ini.

4. TATACARA PEMBELIAN BARANGAN IMPORT SECARA FOB

Universiti hendaklah memastikan perkara dan syarat-syarat berikut:

4.1 Dokumen sebut harga/tender hendaklah mempunyai tawaran harga FOB sahaja atau kaedah-kaedah lain yang seumpama dengannya.

4.2 Penyebut harga/petender hendaklah menyediakan maklumat barangan import yang ditawarkan dan mengemukakannya bersekali dengan dokumen tawaran kepada Universiti. Kegagalan mengemukakan maklumat ini boleh menyebabkan tawaran penyebut harga/petender tidak akan dipertimbangkan.

4.3 Menurut kaedah pembelian secara FOB, penyebut harga/petender menawarkan harga yang meliputi perbelanjaan sehingga barangan tersebut dimuat ke atas kapal atau ke satu tempat yang

Lampiran 3

dipersetujui mengikut kaedah atau cara pembelian yang ditetapkan atau yang dipersetujui.

- 4.4 Tanggungjawab pembekal/kontraktor ialah seperti berikut:
- 4.4.1 membekalkan barangan mengikut perjanjian jual beli dan bukti-bukti lain yang sesuai (jika diperlukan) dalam perjanjian tersebut;
 - 4.4.2 mendapatkan lesen eksport, kelulusan-kelulusan rasmi lain yang diperlukan dan mengendalikan semua urusan kastam untuk mengeksport barangan di atas tanggungan dan risiko sendiri;
 - 4.4.3 bertanggungjawab ke atas semua kos dan risiko kerugian atau kerosakan barangan sehingga barangan tersebut selamat dimuatkan ke atas kapal yang dinamakan;
 - 4.4.4 bertanggungjawab membayar semua kos berkaitan dengan barangan tersebut sehingga barangan dilepaskan dan dimuatkan atas kapal yang dinamakan;
 - 4.4.5 pembekal/kontraktor hendaklah mengemukakan kepada MTO dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah untuk tujuan pengecualian daripada duti kastam, duti import dan untuk tujuan pelepasan segera di pangkalan punggah:
 - (i) dua salinan invois komersial yang mengandungi butir-butir kelompok atau nombor lot. Rujukan kepada invois ini hendaklah atas nama pembeli iaitu Universiti Kerajaan;
 - (ii) dua salinan senarai pembungkusan (*packing list*);
 - (iii) dua salinan sijil negara asal (*certificate of origin*); dan
 - (iv) *Bill of Lading* atau *Airway Bill* di mana berkaitan.
 - 4.4.6 Dokumen-dokumen di para 4.4.5 hendaklah dikemukakan kepada MTO dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tibanya kapal, kecuali jika melalui udara hendaklah dikemukakan bersama-sama barangan. Kegagalan pembekal/kontraktor mengemukakan dokumen di para 4.4.5 di atas dalam tempoh yang dinyatakan dan menyebabkan berlakunya bayaran penyimpanan (*storage charges*) atau *demurrage charges*, maka caj tersebut akan ditanggung pembekal/kontraktor;
 - 4.4.7 Menyediakan atau mendapatkan dokumen bukti penyerahan barangan dan memaklumkan kepada Universiti dan MTO mengenai tarikh barangan dimuat ke atas kapal, nilai

barangan, butiran di dalam bungkusan untuk penghantaran, nama dan maklumat kapal;

- 4.4.8 Menanggung kos bersangkutan dengan proses semakan (iaitu pemeriksaan mutu, mengukur, menimbang dan mengira) yang diperlukan sebelum barangan boleh dieksport dan dimuatkan ke atas kapal. Pembekal/kontraktor juga bertanggungjawab memastikan cara pembungkusan barangan yang bersesuaian dan mencukupi mengikut cara pengangkutan yang berkaitan. Di luar pembungkusan, pembekal/kontraktor hendaklah membuat tanda pengenalan yang jelas dan senang dikesan sebagaimana yang telah dipersetujui dengan pihak Kerajaan. Pihak pembekal/kontraktor akan bertanggungjawab sekiranya barang-barang yang diterima itu rosak, pecah atau hilang yang berpunca dari pembungkusan yang tidak cukup atau tidak sesuai atau tiada tanda pengenalan yang jelas; dan
- 4.4.9 Jika diperlukan, pembekal/kontraktor diminta membantu MTO mendapatkan dokumen atau mesej elektronik yang setara dengannya yang dikeluarkan oleh negara yang mengirim atau negara asal barangan tersebut untuk tujuan pengimportan atau persinggahan sementara (*in transit*). Jika diperlukan juga, pembekal/kontraktor hendaklah menyediakan maklumat untuk tujuan insurans.
- 4.5 Tanggungjawab Universiti ialah seperti berikut:
- 4.5.1 memberitahu pembekal/kontraktor nama syarikat MTO yang dilantik bagi menguruskan penghantaran barangan berkenaan;
- 4.5.2 memberi satu (1) salinan pesanan pembelian dan satu (1) salinan Arahan Perkapalan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh penghantaran;
- 4.5.3 menanggung sebarang kos tambahan dan semua risiko ke atas barangan mulai dari barangan dimuatkan ke atas kapal di pangkalan memuat (*port of loading*) dan membayar harga barangan sepertimana yang dipersetujui di dalam kontrak;
- 4.5.4 Perlindungan insurans diambil melalui Akaun Amanah KWIBK ke atas semua barangan yang diimport; dan
- 4.5.5 mengurus dan membayar kos pengangkutan hingga sampai ke pangkalan punggah (*port of discharge*) dan bayaran-bayaran lain yang terlibat sehingga ke destinasi terakhir.
- 4.6 Setelah menerima pesanan dari Universiti atau notis dari MTO, pembekal/kontraktor hendaklah memaklumkan kepada MTO sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh jangkaan

Lampiran 3

penghantaran atau notis kesediaan barangan (*cargo readiness*) mengenai kuantiti sebenar, isi padu, berat dan nilai barangan.

- 4.7 Apabila notis diterima dari MTO, pembekal/kontraktor hendaklah membuat persediaan menghantar barangan ke atas kapal yang dinamakan oleh MTO. Selepas dimuatkan ke atas kapal, pembekal/kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Universiti dan MTO mengenai tarikh barangan dimuatkan, nama dan maklumat kapal, nilai barangan dan butiran di dalam bungkusan untuk penghantaran.
- 4.8 Jika Kerajaan atau MTO gagal menyediakan kapal untuk muatan dalam tempoh yang disyaratkan atau kelewatan telah melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh penghantaran (*shipment date*) yang dimaklumkan, dengan persetujuan Kerajaan, pembekal/kontraktor boleh menguruskan pengangkutan dan penghantaran ke destinasi yang ditetapkan pada kadar kos yang sebenar.

5. PELANTIKAN MULTIMODAL TRANSPORT OPERATORS (MTO)

- 5.1 Semua urusan penghantaran dan pengangkutan barangan import hendaklah diuruskan oleh MTO yang dilantik oleh Universiti.
- 5.2 Universiti hendaklah membuat pilihan di kalangan MTO yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan tatacara berikut:
 - 5.2.1 Perolehan bernilai sehingga RM50,000 hendaklah diuruskan secara pembelian terus; dan
 - 5.2.2 Perolehan bernilai melebihi RM50,000 hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga atau *e-bidding*. Sebut harga sehingga RM500,000 hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga, manakala sebut harga melebihi RM500,000 hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Universiti.
- 5.3 Tawaran hendaklah dibuat berasaskan perkhidmatan penghantaran barangan untuk satu kontrak induk. Kontrak induk di sini bermaksud sebut harga/tender bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah dipersetujui/diikat di antara Universiti dengan pembekal/kontraktor.
- 5.4 Universiti hendaklah menyediakan maklumat deskripsi barangan seperti di Lampiran A2 bagi maksud sebut harga perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan di bawah sesuatu kontrak induk yang ditetapkan Universiti.
- 5.5 Terdapat dua cara Universiti boleh mendapatkan deskripsi

barangan. Pertama dengan mensyaratkan di dalam dokumen sebut harga/tender dengan meminta penyebut harga/petender mengisi maklumat tentang barangan import yang ditawarkan berdasarkan Lampiran A1. Atau jika sebut harga/tender telah dipersetujui atau kontrak telah diikat, Universiti hendaklah meminta pembekal/kontraktor yang berjaya memberi maklumat deskripsi barangan berdasarkan Lampiran A1.

- 5.6 Berdasarkan maklumat di Lampiran A1, Universiti hendaklah meminta sebut harga dari MTO yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan menggunakan borang tawaran secara sebut harga seperti di Lampiran A2.
- 5.7 Pengurusan sebut harga hendaklah mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- 5.8 Sebagai panduan, penilaian dan pertimbangan sebut harga hendaklah mengambil kira syarikat mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik, mengemukakan tarikh penghantaran dalam tempoh yang dikehendaki, keutamaan menggunakan syarikat perkapalan dan pengangkutan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, menggunakan *direct call* ke mana-mana pelabuhan di Malaysia, tiada *transshipment* dan menawarkan harga yang munasabah dan berpatutan.
- 5.9 Universiti seboleh-bolehnya hendaklah cuba mengelakkan penghantaran yang melibatkan *transshipment* sama ada melalui laut atau udara. Walau bagaimanapun jika tidak dapat dielakkan, *transshipment* boleh dibenarkan dengan memberi keutamaan pertukaran kepada kapal atau pesawat milik syarikat perkapalan atau syarikat penerbangan tempatan (Malaysia).
- 5.10 Universiti hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada MTO yang berjaya bersama-sama dengan salinan sebut harga dan syarat-syarat am kepada sebut harga yang telah dipersetujui.

6. PERATURAN MENGGUNAKAN MTO KERAJAAN

- 6.1 Universiti hendaklah memberikan kepada MTO yang berjaya, satu salinan Pesanan Tempatan (LO) dan sesalinan Arahan Perkapalan (Lampiran C) sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh penghantaran. Satu salinan Arahan Perkapalan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan) sebagai maklumat bagi tujuan perlindungan insurans.
- 6.2 Arahan Perkapalan hendaklah jelas dan tepat. Nombor rujukan Arahan Perkapalan hendaklah jelas di mana dapat membezakan antara satu penghantaran dengan penghantaran yang lain. Setiap satu Arahan Perkapalan merujuk untuk satu penghantaran sahaja. Tanda pengenalan (*shipping mark*) hendaklah diberi perhatian

Lampiran 3

yang serius oleh Universiti kerana tanda yang jelas dan terang akan memudahkan barangan tersebut dikesan dengan cepat.

- 6.3 Bagi barangan yang memerlukan penjadualan dan penghantaran yang rapi, Universiti hendaklah berbincang dengan MTO bersama-sama dengan pembekal/kontraktor untuk mengatur dan merancang cara penghantaran yang terbaik.
- 6.4 MTO dari semasa ke semasa hendaklah memaklumkan pergerakan penghantaran kepada Universiti. Jika ini tidak dilakukan, Universiti hendaklah membuat susulan kepada MTO berkenaan.
- 6.5 Universiti hendaklah memastikan segala dokumen yang dikemukakan oleh MTO untuk tujuan pelepasan barangan di pangkalan punggah diuruskan dengan segera. Ini bertujuan mengelakkan Universiti dari dikenakan membayar *storage charges* atau *demurrage charges*.
- 6.6 Universiti hendaklah menjelaskan bayaran perkhidmatan penghantaran dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran adalah mengikut kadar yang telah dipersetujui dalam Surat Setuju Terima dan mengikut sesuatu penghantaran yang telah dilaksanakan.
- 6.7 Jika Universiti merasakan barangan yang diimport sensitif dan memerlukan pemeriksaan penyiasatan (*survey*) bagi memastikan keselamatan barangan tersebut, Universiti setelah mendapat pandangan pembekal/kontraktor dan MTO boleh meminta MTO menguruskannya di mana perlu.

7. PERLINDUNGAN INSURANS BARANGAN IMPORT KERAJAAN

- 7.1 Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Kerajaan (Akaun Amanah KWIBK)
 - 7.1.1 Akaun ini bertujuan memberi perlindungan insurans terhadap barangan Kerajaan yang diimport. Insurans ini juga melindungi perjalanan pergi dan balik apabila barangan tersebut perlu dibaiki dan/atau diganti. Perlindungan ini tidak termasuk perjalanan barangan yang telah sedia berada dalam negeri yang perlu dihantar di dalam Semenanjung Malaysia dan di antara Sabah dan Sarawak..
 - 7.1.2 Perlindungan yang diberi ialah untuk perkara-perkara berikut:
 - a) Segala risiko (*all risk*) yang lazimnya digunakan oleh syarikat insurans seperti di Lampiran D; dan
 - b) perjalanan barangan dari kilang atau gudang di seberang laut ke stor Kerajaan Malaysia termasuk semua bayaran seperti harga barang, tambang, pertukaran pengangkutan ke pelabuhan pengeksport,

bayaran untuk dermaga, *Bill of Lading/Airway Bill* dan tambang pengangkutan ke destinasi terakhir sama ada di darat atau laut sekiranya ia merupakan sebahagian daripada perjalanan dari seberang laut.

7.1.3 Kelulusan dari Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sekiranya Universiti berpendapat barangan yang diimport mempunyai risiko yang luar biasa tingginya dan perlu diinsuranskan dengan syarikat insurans swasta. Maksud risiko luar biasa tingginya ialah jika berlaku kemalangan atau kerosakan kepada barangan tersebut ia boleh memudaratkan atau memusnahkan harta benda lain atau boleh mengakibatkan kerugian yang besar kepada Universiti.

7.2 Bayaran Premium

7.2.1 Bayaran premium yang dikenakan ialah 0.5% daripada kos barangan atau invois pembekal, tambang dan 10 % atau diringkaskan seperti berikut:

$$0.5\%[(\text{kos barangan} + \text{tambang}) + 10\% (\text{kos barangan} + \text{tambang})]$$

Kadar 10% ini ialah untuk bayaran selain dari yang telah dikenakan bayaran semasa mengangkut dan menghantar barangan tersebut.

7.2.2 Bagi Kementerian/Jabatan, bayaran premium dibayar dengan mengkreditkan ke Akaun Amanah KWIBK secara pelarasan melalui potongan di baucar bayaran apabila membuat bayaran bagi barangan yang diimport. Satu salinan baucar tersebut hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan).

7.2.3 Bagi Badan-badan Berkanun, premium hendaklah dibayar dengan cek berpaling atas nama Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dihantar terus kepada Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan).

7.2.4 Kegagalan Universiti membayar premium insurans akan mengakibatkan ia bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan ke atas barangan yang diimport.

7.2.5 Bagi tiap-tiap tahun kewangan, Universiti hendaklah menyediakan satu lejar akaun yang menunjukkan jumlah yang telah dikreditkan ke Akaun Amanah KWIBK, jumlah pembelian luar negara, negara asal, jumlah tuntutan yang dibuat dan jumlah tuntutan yang telah diluluskan oleh Akaun Amanah KWIBK. Maklumat ini hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan, Bahagian Perolehan Kerajaan selawat-

lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya.

- 7.2.6 Sekiranya pembekal/kontraktor atau pihak-pihak yang berkaitan berkehendakkan polisi atas insurans Perdagangan, maka Universiti bolehlah mengeluarkan Perakuan Tanggung Rugi Terhadap Kehilangan seperti di Lampiran E.
- 7.3 Tuntutan Insurans
 - 7.3.1 Apabila menerima barangan, Universiti hendaklah memeriksa keadaan barangan itu. Jika didapati rosak, kurang bekal atau sebagainya, Universiti dikehendaki memaklumkan dengan serta merta ke Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan) tentang keadaan barangan itu dan kemungkinan tuntutan akan dibuat. Maklumat mengenai keadaan barangan semasa diterima hendaklah dikemukakan dengan segera tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh barangan sampai ke tempat simpanan atau diterima.
 - 7.3.2 Dalam masa yang sama, Universiti dikehendaki mengemukakan tuntutan kepada pihak ketiga sama ada pembekal, pengangkut, MTO atau pihak berkuasa pelabuhan (mengikut mana yang berkenaan) menggunakan format borang seperti di Lampiran F.
 - 7.3.3 Di dalam kes tuntutan pihak ketiga ini, Universiti adalah diingatkan sekiranya pihak ketiga menawarkan pembayaran ganti rugi yang berdasarkan kepada kiraan *maximum liability of (pound streling) £100 per package* seperti di dalam *Bill of Lading* ataupun bayaran ganti rugi 50% daripada nilai kerosakan atau RM20,000 mengikut mana yang lebih rendah hendaklah terlebih dahulu menghubungi Perbendaharaan bagi mendapatkan persetujuan.
 - 7.3.4 Jabatan dikehendaki di dalam tempoh *time-bar* iaitu satu (1) tahun daripada tarikh barangan dibawa keluar dari kapal atau diterima supaya mengemukakan tuntutan kepada pihak ketiga. Jika tidak dapat dilaksanakan, maka Universiti hendaklah meminta lanjutan tempoh dari pihak ketiga yang berkenaan.
 - 7.3.5 Segala usaha hendaklah diambil untuk mendapatkan ganti rugi dari pihak yang bertanggungjawab yang mungkin melibatkan tindakan undang-undang di mahkamah jika perlu. Sekiranya semua usaha tersebut gagal atau menemui jalan buntu, maka tuntutan bolehlah dibuat ke atas Akaun Amanah KWIBK. Segala tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dengan

mengemukakan borang Kew 300-G1 dan Kew 300-G2 seperti di Lampiran G1 dan Lampiran G2. Universiti adalah dikehendaki menyediakan sendiri borang-borang tersebut dan dikemukakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:

- a. Salinan baucar pembayaran bagi membuktikan premium 0.5% dibayar kepada Akaun Amanah KWIBK.
- b. *Bil muatan (Bil of Lading/Airway Bill)*
- c. Laporan Pemeriksaan penyiasatan
- d. Surat tuntutan dan surat jawapan dari pihak ketiga (MTO, Pemilik kapal/agen perkapalan, pembekal, pelabuhan dan lain-lain)
- e. Senarai pembungkusan (*Packing List*)
- f. *Nota Serahan (Delivery Order)*
- g. Invois Pembekal

7.3.6 Dokumen-dokumen tambahan seperti berikut hendaklah dikemukakan sekiranya berkaitan:

- a. Invois tambang
- b. Nota hitungan (*Tally Sheet*)
- c. Laporan neraca pihak pelabuhan (*weight measurement*)
- d. Dokumen lain yang difikirkan boleh menyokong tuntutan.

7.3.7 Jumlah tuntutan akan dibayar dengan sepenuhnya jika barangan hilang. Bagi barangan yang rosak, hanya nilai kerugian akan diganti iaitu nilai bersih setelah menolak nilai jualan barang-barang tersebut (jika barangan boleh dijual) atau nilai membaiki kerosakan.

7.3.8 Hanya tuntutan yang melebihi RM50.00 bagi setiap penghantaran sahaja akan dilayan.

7.3.9 Setelah mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan, Universiti hendaklah menyediakan baucar bayaran atas tuntutan berkenaan.

7.4 Tatacara Membuat Tuntutan Ke Atas Pihak Ketiga

7.4.1 Tuntutan hendaklah dibuat kepada MTO, pihak berkuasa pelabuhan atau pengangkut bagi barangan yang rosak atau diterima kurang. Kerosakan/kekurangan barangan hendaklah dicatat di nota serahan atau sebarang dokumen lain yang berkenaan dan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Perbendaharaan. Gambar-gambar mungkin diperlukan untuk menyokong tuntutan.

7.4.2 Tuntutan terhadap pembekal/kontraktor hendaklah dibuat jika barangan yang diterima dipertikaikan oleh kerana kurang bekal, tersalah barang atau bermutu rendah, tidak dapat dikenali, kekurangan terlindung (*hidden defects*) atau

Lampiran 3

kerusakan yang bukan disebabkan oleh MTO, pihak berkuasa pelabuhan atau pengangkut.

- 7.4.3 Universiti hendaklah meminta pemeriksaan penyiasatan dilakukan sama ada melalui MTO atau insurans (KWIBK) oleh seorang penyiasat bebas ke atas barangan tersebut untuk menentukan sebab-sebab kerosakan/kehilangan dan tanggungannya.
